



Takaful



**RISALAH PENERANGAN MENGENAI PELAN PERLINDUNGAN TAKAFUL BERKELOMPOK PELAJAR KOLEJ KOMUNITI KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

Pemegang Polisi/Kontrak  
**KOLEJ KOMUNITI, KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Peserta Yang Dilindungi  
**Pelajar-pelajar Berdaftar Kolej Komuniti**

Penanggung Takaful  
**ETIQA FAMILY TAKAFUL BERHAD (266243 D)**  
**ETIQA GENERAL TAKAFUL BERHAD (1239197-A)**

Level 19, Tower C, Dataran Maybank  
No 1 Jalan Maarof 59000 Kuala Lumpur.

[www.etiqA.com.my](http://www.etiqA.com.my)

**SKIM PERLINDUNGAN TAKAFUL BERKELOMPOK BAGI PELAJAR KOLEJ KOMUNITI**

**1. PENGENALAN**

Kolej Komuniti telah mengambil Perlindungan Takaful Berkelompok dengan EtiqA Takaful bagi melindungi pelajar-pelajarnya. Semua pelajar yang mendaftar di mana-mana Kolej Komuniti mulai Julai 2009 sehingga tahun semasa adalah dilindungi dibawah plan ini.

**2. TUJUAN SKIM**

Skim Takaful berkelompok ini adalah bertujuan :-

- Memastikan kebaikan pelajar diutamakan dengan menyediakan skim perlindungan asas dalam bentuk pampasan sekiranya berlaku perkara-perkara yang tidak diingini seperti kematian dan kecatatan kekal.
- Meringankan beban kewangan kepada waris yang perlu menanggung kos-kos berkaitan sekiranya berlaku perkara-perkara yang tidak diingini.

**3. MANFAAT PERLINDUNGAN YANG DISEDIAKAN**

Di bawah skim ini, pelajar-pelajar dilindungi 24 jam sehari di seluruh dunia. Sekiranya berlaku kematian atau cacat kekal, pelajar/waris pelajar layak untuk membuat tuntutan. EtiqA Takaful juga menyediakan manfaat-manfaat sampingan lain seperti Jadual di sebelah. Setiap tuntutan mestilah disokong dengan dokumen yang lengkap.

**4. PERLU PENJELASAN LANJUT?**

Sila hubungi Jabatan Hal Ehwal Pelajar di Kolej masing-masing

**NOTA PENTING**

Risalah ini hanyalah merupakan penerangan ringkas sahaja dan tidak menyeluruh. Untuk butiran lengkap tentang pengecualian, terma-terma dan syarat-syarat perlindungan, ianya ada terkandung di dalam Kontrak Takaful antara EtiqA Takaful dan Kolej Komuniti.

Revised SOB – eff. 6/2019

Sila lihat sebelah untuk Q n A

Skop/ Manfaat Perlindungan	Jumlah Pampasan
1. Kematian Biasa/ Akibat Penyakit Sahaja	RM10,000.00
2. Cacat/Keilatan Kekal Menyeluruh Biasa/Akibat Penyakit Sahaja	RM10,000.00
3. Kematian Akibat Kemalangan Sahaja	RM20,000.00
4. Cacat/Keilatan Kekal Menyeluruh Akibat Kemalangan sahaja	RM40,000.00
5. Keilatan Separa Kekal Akibat Kemalangan Sahaja	RM40,000.00 (Maksimum)
6. Perbelanjaan Perubatan Akibat Kemalangan Sahaja	RM3,000.00 (Maksimum)
7. Perbelanjaan Pengkebumian	RM2,000.00
8. Manfaat Elaun Wad Hospital Akibat Kemalangan Sahaja (maksimum 30 hari)	RM50.00 sehari
9. Pampasan "Rape Trauma"	RM1,000.00
10. "Dengue Recuperation"	RM500.00

**5. PROSEDUR MEMBUAT TUNTUTAN**

Langkah 1 - Rujuk skop di atas samada pelajar layak tuntutan atau tidak. Tuntutan yang ingin dibuat oleh pelajar adalah berkaitan dengan skop perlindungan di atas. Senarai dokumen sokongan ada dinyatakan di belakang borang tuntutan.

Langkah 2 - Lapor kepada pihak Kolej (pegawai/penyelaras yang menguruskan insuran pelajar) dan dapatkan borang perubatan (medical form) bagi kes-kes tuntutan yang memerlukan pengesahan doktor dan tidak melibatkan kematian.

Langkah 3 - Pelajar/waris pelajar perlu menyediakan dokumen-dokumen yang berkaitan mengikut kelayakan/jenis tuntutan.

Langkah 4 - Serahkan laporan perubatan (untuk kes bukan kematian) yang telah dilengkapkan oleh doktor yang merawat pelajar berserta dokumen yang berkaitan kepada pegawai penyelaras Insuran kolej masing-masing.

Langkah 5 - Pihak Kolej akan memaklumkan kepada pelajar/ waris pelajar setelah pembayaran pampasan dibuat oleh pihak EtiqA Takaful.

**6. DOKUMEN-DOKUMEN YANG DIPERLUKAN SEMASA MEMBUAT TUNTUTAN**

Sila rujuk "Senarai Semak Dokumen Untuk Tuntutan" yang terdapat dibelakang borang tuntutan.

**7. PENGECAULIAN POLISI AM**

- Keadaan sedia ada;
- Kecederaan yang disengajakan, cubaan membunuh diri, gangguan mental;
- Komplikasi kehamilan, penyakit kelamin, HIV, alkohol atau dadah;
- Terlibat dalam sukan, pekerjaan, atau aktiviti yang berbahaya.
- Melibatkan diri dalam aktiviti perlumbaan (selain dari menggunakan kaki)
- Penyertaan dalam sebarang aktiviti yang menyalahti undang-undang seperti serangan yang diprovokasi.

Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk senarai penuh pengecualian.

**JADUAL MANFAAT KEHILANGAN UPAYA BERKEKALAN AKIBAT KEMALANGAN (SKOP 4 & 5)**

HURAIAN MANFAAT	PERATUSAN
Kematian	100%
Hilang kedua belah anggota badan	100%
Hilang kedua belah tangan atau kesemua jari dan kedua ibu jari	100%
Lumpuh sepenuhnya	100%
Tidak siuman sepenuhnya	100%
Kecederaan yang menyebabkan terlantar seumur hidup	100%
Semua kecederaan yang menyebabkan keilatan kekal	100%
Hilang tangan dari paras bahu	100%
Hilang tangan di antara bahu dan siku	100%
Hilang tangan dari paras siku	100%
Hilang tangan di antara siku dan pergelangan tangan	100%
Hilang tangan dari paras pergelangan tangan	100%
Hilang kaki dari paras	100%
-Punggung	100%
-Di antara lutut dan punggung	100%
-Di bawah lutut	100%
Hilang mata sepenuhnya	100%
Hilang penglihatan ;	
-Kecuali penerimaan cahaya	50%
-Kanta	50%
Hilang empat jari dan ibu jari sebelah tangan	50%
Hilang empat jari	40%
Hilang ibu jari ;	
-Dua ruas	25%
-Satu ruas	10%
Hilang jari telunjuk ;	
-Tiga ruas	10%
-Satu atau Dua ruas	4% - 8%
Hilang jari hantu ;	
-Tiga ruas	6%
-Satu atau Dua ruas	2% - 4%
Hilang jari manis ;	
-Tiga ruas	5%
-Satu atau Dua ruas	2% - 4%
Hilang jari kelingking ;	
-Tiga ruas	4%
-Satu Ruas atau Dua ruas	2% - 3%
Hilang metacarpus dari pergelangan tangan hingga pangkal jari ;	
-Pertama atau kedua (tambahan)	3%
-Ketiga, keempat atau kelima (tambahan)	2%
Hilang jari kaki ;	
-Semua	15%
-Ibu, dua ruas	5%
-Ibu, satu ruas	2%
-Selain dari ibu, setiap satu	1%
Hilang pendengaran ;	
-Dua belah telinga	75%
-Sebelah telinga	15%
Hilang sepenuhnya keupayaan pertuturan	50%

Pelan Ini Diurustakbir oleh :  
NZ Network Management Services Sdn Bhd  
(Agenzi Korporat EtiqA Takaful)  
No Tel : 03-42856140 Our Ref : KK02/22

Berikut adalah soalan-soalan lazim dan jawapannya yang berkaitan dengan Pelan Takaful Berkelompok Kolej Komuniti. Diharapkan dapat membantu pelajar-pelajar Kolej Komuniti agar lebih memahami skop perlindungan takaful dan proses/prosedur untuk membuat tuntutan

1. Soalan - Siapakah yang layak menyertai pelan takaful berkelompok ini?  
Jawapan - **Semua pelajar-pelajar yang berdaftar di mana-mana Kolej Komuniti di seluruh Malaysia yang menyertai pelan ini.**
2. Soalan - Bilakah bermulanya tempoh perlindungan takaful ini?  
Jawapan - **Bermula dari tarikh pelajar mendaftar diri di mana-mana Kolej Komuniti di seluruh Malaysia dan akan diperbaharui secara tahunan.**
3. Soalan - Apakah skop perlindungan takaful ini?  
Jawapan - **Perlindungan ini melindungi pelajar-pelajar, 24 jam sehari di seluruh dunia dari risiko kematian/kecatatan kekal akibat kemalangan dan penyakit. (Tidak kira dimana pelajar berada, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di dalam polisi)**
4. Soalan - Bagi pelajar yang mendaftar lewat, bilakah tarikh perlindungan dikuatkuasakan?  
Jawapan - **Perlindungan akan dikuatkuasakan mulai dari tarikh pelajar itu mendaftar dan pihak Kolej hendaklah memaklumkan kepada Etiqua Takaful.**
5. Soalan - Bagaimana kes pelajar yang berpindah kolej, menangguh pelajaran dan berhenti?  
Jawapan - **Pelajar ini tetap dilindungi melainkan pihak kolej memaklumkan kepada Etiqua untuk membatalkan nama pelajar tersebut.**
6. Soalan - Siapa yang layak membuat tuntutan takaful/insuran?  
Jawapan - **Pelajar Kolej Komuniti atau Waris Pelajar (bagi kes kematian) dengan mengemukakan dokumen lengkap.**
7. Soalan - Apakah manfaat takaful yang pelajar layak tuntut?  
Jawapan - **Sila rujuk jadual manfaat sebelah. Manfaat/pampasan yang akan dibayar berdasarkan kelayakan masing-masing.**
8. Soalan - Pelajar mengalami kemalangan, mendapat rawatan pesakit luar dihospital kerajaan dan tiada sebarang kos perubatan dikenakan.?  
Jawapan - **Pelajar tidak layak menuntut apa-apa kerana dia tidak masukan ke wad dan tiada sebarang caj rawatan dikenakan**
9. Soalan - Pelajar dimasukan ke hospital disebabkan oleh penyakit. Adakah manfaat perubatan/kos rawatan ini boleh dituntut?  
Jawapan - **Tidak layak dituntut. HANYALAH kos perubatan dan elaun wad hospital bagi kes kemalangan sahaja layak dituntut..**
10. Soalan - Apakah dokumen-dokumen yang diperlukan semasa membuat tuntutan?  
Jawapan - **Sila rujuk senarai semak dokumen yang dilampirkan di belakang barang tuntutan.**
11. Soalan - Perlukah salinan dokumen di "CTC" ?  
Jawapan - **Semua dokumen-dokumen salinan perlu di "Certified True Copy" oleh pegawai Kolej yang bertanggungjawab.**
12. Soalan - Jika resit perubatan asal hilang atau telah dibayar oleh syaikat Insuran lain, bolehkah saya menuntut dengan menggunakan salinan resit yang telah di CTC ?  
Jawapan - **Tuntutan tidak dibayar. Etiqua HANYA akan membayar balik bil perubatan jika dikemukakan RESIT ASAL sahaja.**
13. Soalan - Sekiranya pelajar KK telah mengalami penyakit sediada "pre-existing illness" sebelum memasuki kolej dan meninggal dunia semasa pengajian, bolehkah warisnya membuat tuntutan kematian akibat penyakit.  
Jawapan - **Ya Boleh. Waris simati layak menuntut walaupun penyakit itu telah wujud sebelum pelajar memasuki kolej.**
14. Soalan - Bagaimana ingin menuntut elaun wad hospital akibat kemalangan?  
Jawapan - **Elaun wad hospital dibayar berdasarkan bilangan hari diwad hospital dan dokumen lengkap perlu dikemukakan. Rujuk "claim checklist" dibelakang barang tuntutan kemalangan**
15. Soalan - Mohon perjelasan skop kemalangan?  
Jawapan - **Kemalangan bukan sahaja terhad kepada kemalangan jalanraya sahaja, lanya juga melibatkan kemalangan lain seperti semasa bersukan dsb**
16. Soalan - Adakah manfaat yang layak dituntut sekiranya saya mengemukakan SIJIL CUTI SAKIT ("MC")?  
Jawapan - **Dibawah pelan ini, tidak ada manfaat yang dibayar untuk cuti sakit. Oleh itu, sijil cuti sakit tidak perlu dikemukakan semasa membuat "claim".**
17. Soalan - Pelajar mendapat rawatan (akibat kemalangan) di hospital kerajaan dan kos perubatan hanyalah RM10.00. Pelajar tidak dimasukan ke wad. Apakah yang layak dituntut oleh pelajar tersebut?  
Jawapan - **Pelajar tersebut hanya layak menuntut RM10.00 manfaat perubatan sahaja, iaitu kos sebenar yang dibayar. Manfaat lain tidak layak dituntut.**
18. Soalan - Bagaimana prosedur untuk membuat tuntutan bagi cacat kekal?  
Jawapan - **Kecatatan disini lebih kepada kecatatan fizikal yang kekal seperti hilang kaki, hilang jari tangan, buta mata dsb. Pihak Etiqua memerlukan Doktor yang merawat untuk mengisi "laporan perubatan" dimuka surat ke 3 borang tuntutan bagi mengesahkan kesahihan cacat kekal.**